

Headline	Langkawi terima projek RM1.3b		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	18 Feb 2018	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Dlm Negeri	Page No	2
ArticleSize	390 cm ²	Journalist	SITINURAZLINA
PR Value	RM 26,127		



Termasuk RM500 juta besarkan hospital

Langkawi terima projek RM1.3b

Oleh SITI NURAZLINA JAMALUDIN
utusankedah@utusan.com.my

■ LANGKAWI 17 FEB.

DATUK Seri Najib Tun Razak membawa khabar gembira untuk rakyat Langkawi apabila mengumumkan lima projek pembangunan infrastruktur bernilai RM1.3 bilion di pulau bebas cukai berkenaan hari ini.

Perdana Menteri berkata, Kerajaan Persekutuan meluluskan peruntukan bagi projek-projek baharu di Langkawi menerusi Rolling Plan Ketiga (RP3) Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11).

Katanya, projek itu antaranya melibatkan pembesaran Hospital Langkawi melalui pembinaan bangunan tambahan dengan kos berjumlah RM500 juta.

"Pada masa ini, Hospital Langkawi hanya dapat menampung 110 katil pesakit dengan penggunaan mencecah 90 peratus. Oleh itu, kerajaan meluluskan pembinaan bangunan baharu yang dilengkapi 220 katil, unit rawatan rapi (ICU), unit rawatan jantung (CCU), unit pergantungan tinggi (HDW), pelbagai disiplin wad dan enam dewan pembedahan, klinik pakar dan jabatan rehabilitasi.

"Projek ini juga menyediakan kemudahan pesakit membayar sepenuhnya bagi memenuhi permintaan pelancongan kesihatan di Pulau Langkawi," katanya ketika



NAJIB TUN RAZAK menikmati juadah petang dalam majlis Bersantai Bersama Nelayan dan perasmian Lampu Jalan Kampung TNB di Pengkalan Nelayan Sungai Cenang, Langkawi, semalam. - MINGGUAN/ ISMAIL KAMADIN

berucap melancarkan program GO 4.0 Langkawi di sini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Bashah Md. Hanipah; Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Richard Riot; Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shahidan Kasim dan Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), Rizal Faris Mohideen Abdul Kader.

Najib berkata, Kerajaan Persekutuan turut memperuntukkan

sebanyak RM135 juta untuk pembinaan kuarters dan integrasi daerah yang baharu bagi menjaga kebajikan para petugas kesihatan seperti doktor, jururawat dan kakitangan hospital.

Di bawah RP3 juga, ujarinya, kerajaan meluluskan pembinaan balai bomba dan penyelamat serta kuarters Padang Matsirat dengan kos RM30 juta.

Perdana Menteri berkata, Jalan Persekutuan Bulatan Airport-Pulapal akan dinaik taraf dengan

kos RM50 juta.

"Akhir sekali saya mendengar masalah bekalan air bersih di Langkawi yang mendesak menjelang tahun-tahun akan datang.

"Bagi menjamin kesejahteraan rakyat tempatan dan pelancong di Langkawi, Unit Perancang Ekonomi (EPU) meluluskan peruntukan RM600 juta untuk pembinaan Off-River Storage (ORS) Padang Matsirat sekali gus mengatasi masalah kekurangan air di Langkawi sehingga 2040," ujarinya.